



Panel Penasihat Poliklinik Komuniti

Poliklinik Komuniti Batu 14 Hulu Langat
43100 Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-9021 1414

26 Disember 2012

YB / YBhg / Dato' / Datuk / Tuan / Puan

MAJLIS MAKAN MALAM AMAL BAGI MENGUMPUL DANA TABUNG PROGRAM PANEL PENASIHAT KLINIK BATU 14, HULU LANGAT

Adalah dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

Sukacita dimaklumkan Panel Penasihat Klinik Kesihatan Batu 14, Hulu Langat (PPKK) akan menganjurkan Majlis Makan Malam Amal bagi mengumpul dana untuk Tabung Program PPKK yang akan diadakan pada **Sabtu 26 Januari 2013, jam 8.00 malam** bertempat di **Bangi Golf Resort, Persiaran Bandar, 43650, Bandar Baru Bangi**.

Pengumpulan dana untuk tabung ini adalah bertujuan membiayai program-program di bawah Kempen Kesedaran Budaya Hidup Sihat anjuran PPKK untuk tahun 2013. Kempen ini akan diisi dengan program Kem Kesihatan di setiap Klinik Desa, Kampung dan Taman Perumahan yang terletak dibawah kawal selia PPKK Bt 14. Penduduk Kampung/Taman Perumahan yang terlibat akan diberikan Saringan Kesihatan Percuma (yang merangkumi saringan BMI, Glukos, Kolesterol, Pap Smear dsb), Khidmat Nasihat Kesihatan oleh pakar, Ceramah & Pameran Budaya Hidup Sihat, Senam Pagi dan lain-lain aktiviti lagi. Semua penduduk yang telah disaring akan dipantau dan disaring semula setiap 3 bulan bagi memastikan keberkesanan program.

Untuk makluman YB/YBhg/Dato'/Datuk/Tuan/Puan kekangan utama bagi menjayakan kempen ini adalah dari segi kewangan. Sehubungan dengan itu, PPKK Bt.14 ingin memohon jasa baik YB/Bhg/Dato'/Datuk/Tuan/Puan untuk memberikan sumbangan ke Tabung PPKK Bt.14 ini bagi membantu menampung kos pembiayaan kempen ini. Besarlah harapan PPKK Bt.14 agar YB/YBhg/Dato'/Datuk/Tuan/Puan dapat menghulurkan sumbangan kepada tabung PPKK ini. Bersama-sama ini disertakan borang penajaan untuk perhatian dan tindakan YB/YBhg/Dato'/Datuk/Tuan/Puan. Kerjasama dan perhatian YB/YBhg/Dato'/Datuk/Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang menjalankan tugas

AHMAD FUAD BIN ABDUL RAHMAN

Pengerusi Majlis Makan Malam Amal PPKK Bt14 Hulu Langat
Pengerusi PPKK Bt.14 Hulu Langat

Disokong oleh :



.....
YB. DATUK HJ JOHAN B ABD AZIZ
Pengerusi Barisan Nasional Hulu Langat
Ketua UMNO Bahagian Hulu Langat
ADUN Kawasan Semenyih



.....
YB. TN HJ ISMAIL B SANI
ADUN Kawasan Dusun Tua



.....
YBHG DATO' HJ MARKIMAN B KOBIRAN
Setiausaha Politik, Menteri Dalam negeri
Timbalan Ketua UMNO Bahagian Hulu Langat



.....
YBHG EN. LEE BAN SENG
Pengerusi Penyelaras DUN Kajang
Ketua MCA Bahagian Hulu Langat

s.k. *YBhg Dr. Ahamad b Jusoh*
Pegawai Kesihatan Daerah Hulu Langat



Panel Penasihat Poliklinik Komuniti

Poliklinik Komuniti Batu 14 Hulu Langat
43100 Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-9021 1414

BORANG PENAJAAN MAJLIS MAKAN MALAM AMAL PANEL PENASIHAT KLINIK BATU 14, HULU LANGAT

	KADAR TAJAAN	BILANGAN TIKET	JUMLAH	
VVIP	RM3,000.00	2 Tiket		
VIP	RM1,500.00	2 Tiket		
Meja Biasa	RM600.00	1 meja		
Tajaan Buku Cenderamata	RM1,000.00	2 Tiket		Ruang Iklan: bhg dalam, muka hadapan
	RM1,000.00	2 Tiket	X	Ruang Iklan: muka belakang
	RM800.00	2 Tiket	X	Ruang Iklan: bhg dalam, muka belakang
	RM500.00	2 Tiket		Ruang Iklan: 1 muka
	RM300.00	1 Tiket		Ruang Iklan: 1/2 muka
Nota : Iklan Hitam/Putih				

Bersama-sama ini disertakan Wang Tunai / P.O / M.O / Cek No. : _____
berjumlah _____

Nama>Nama Syarikat/Organisasi : _____

Pegawai untuk dihubungi : _____

No. Tel. (P): _____ (HP) : _____

No. Fax : _____ Email : _____

Tandatangan : _____ Cop Syarikat/Organisasi: _____

Cek / P.O. hendaklah dibayar kepada "PPPK BT 14 HULU LANGAT"

Akaun No. (2-62090000488-7 RHB Bank)

SEBARANG PENAJAAN PERLU DI BUAT SEBELUM ATAU PADA JUMAAT 18 JANUARI 2013

Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut sila hubungi :

AHMAD FUAD BIN ABDUL RAHMAN 016 385 2059

CHEN KOK FAI 012 233 2343

YAP WEE TONG 019 335 1565

RAJA AMRAH MAZURA 018 200 2000

